

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
27 MAC 2015**

---

**1. PEGAWAI BARU BERJAWATAN KONTRAK KUMPULAN  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Sukacita dimaklumkan, bahawa terdapat tiga orang pegawai Pengurusan & Profesional yang baru menyertai MPSP yang akan bersama-sama memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Berikut, saya perkenalkan pegawai tersebut, iaitu ;

- i. Puan Ong Beng Yen, Pegawai Undang-Undang gred L52 telah dilantik pada 16 Mac 2015 dan ditugaskan di Jabatan Undang-Undang sebagai Pengarah Undang-Undang
- ii. Encik Kamal bin Muhammad Raini, Jurutera Gred J41 telah dilantik pada 2 Mac 2015 dan ditugaskan di Bahagian Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan

ii. Puan Shafida Azyanti binti Mohd Shafie - Jurutera Gred J41 telah dilantik pada 2 Mac 2015 dan ditugaskan di Bahagian Awam, Jabatan Kejuruteraan.

## **2. LESEN PENGANJUR PASAR RAMADHAN**

Permohonan untuk lesen Penganjur Pasar Ramadhan akan mula dibuka mulai 1 April 2015 (Bersamaan 1 Jamadilakhir 1436H) dan tarikh tutup permohonan adalah 30 April 2015.

Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadhan boleh diperolehi mulai 1 April 2015 di :-

- i) Kaunter Berpusat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda.
- ii) Kaunter MPSP Cawangan Butterworth di Kampung Jawa.
- iii) Kaunter MPSP Cawangan Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan dan
- iv) Melalui Laman Web Majlis di [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my).

Borang-borang akan diproses oleh Jabatan Pelesenan dan keputusan permohonan akan mula dikeluarkan pada atau sebelum 15 Mei 2015 (Jumaat).

Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MPSP di talian no. 04-5497682 / 04-5497679

### **3. KEMPEN *EARTH HOUR* 2015**

Dimaklumkan bahawa Earth Hour 2015 akan diadakan pada 28 Mac 2015 (Sabtu). Ia biasanya disambut pada hari Sabtu terakhir pada bulan Mac yang mahukan kediaman, pejabat dan premis perniagaan untuk mematikan lampu dan peralatan elektrik yang tidak digunakan selama satu jam, sebagai usaha untuk menjimatkan tenaga di seluruh dunia. Sehubungan itu, kerjasama tuan / puan untuk memadamkan lampu - lampu exterior (luar bangunan ataupun lampu perhiasan) dan bukannya menutup lampu keseluruhan bangunan (blackout) sepenuhnya di premis masing-masing pada 28 Mac 2015 (Sabtu) mulai jam 8:30 malam hingga 9:30 malam. Pihak tuan / puan juga adalah dipohon untuk mengambil langkah-langkah keselamatan bagi memastikan keselamatan awam di kawasan bangunan masing-masing semasa pemadaman lampu di lakukan. Kerjasama yang diberikan di dalam menjayakan program ini didahului dengan ucapan terima kasih.

#### **4. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 5 April 2015 (Ahad). Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 19 April 2015 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 26 April 2015 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**